



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN KEMALANGAN HELIKOPTER PASUKAN DOKTOR UDARA PKD KINTA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan satu (1) kejadian kemalangan melibatkan Pasukan Doktor Udara (*Flying Doctor Unit - FDU*) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta yang berlaku awal petang tadi. Notifikasi kejadian telah diterima oleh Hospital Sultanah Hajjah Kalsom (HoSHKA), Cameron Highlands pada pukul 1.50 petang daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cameron Highlands.

Kejadian melibatkan sebuah helikopter yang dinaiki oleh Pasukan Doktor Udara PKD Kinta yang telah membuat pendaratan kecemasan pada pukul 1 petang berhampiran Brinchang, Cameron Highlands. Semasa kejadian, pasukan ini dalam perjalanan pulang ke Ipoh setelah selesai membuat lawatan berkala ke perkampungan Orang Asli di Gua Musang, Kelantan.

Jumlah mangsa yang terlibat adalah seramai enam (6) orang yang terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan, seorang Penolong Pegawai Perubatan, seorang Jururawat Kesihatan, seorang Pembantu Kesihatan Awam, seorang Jururawat Masyarakat dan seorang juruterbang. Semua mangsa adalah selamat.

Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia selaku pasukan *first responder* telah sampai ke lokasi kejadian dan dalam usaha membawa turun semua mangsa. Dua (2) pasukan perubatan kecemasan diketuai seorang pakar perubatan kecemasan juga digerakkan ke tempat kejadian dari Hospital Sultanah Hajjah Kalsom (HoSHKA), Cameron Highlands.

Semua mangsa akan dibuat penilaian terlebih dahulu oleh pasukan petugas perubatan di zon rawatan apabila dibawa keluar dari tempat nahas. Mangsa yang stabil akan dirujuk ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, manakala bagi mangsa yang mengalami kecederaan akan distabilkan terlebih dahulu di HoSHKA sebelum dirujuk ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Sehingga jam 7 malam, empat (4) mangsa yang mengalami kecederaan telah berjaya dibawa keluar dari tempat nahas ke zon rawatan untuk dilakukan penilaian perubatan. Dua (2) daripadanya telah dirujuk ke HoSHKA untuk pemeriksaan lanjut dan penilaian semula status kesihatan masing-masing manakala dua (2) lagi masih di zon rawatan.

Sementara itu dua (2) lagi mangsa sedang dibawa keluar dari tempat nahas ke zon rawatan. Punca helikopter membuat pendaratan kecemasan masih di dalam siasatan. Perkembangan terkini kejadian akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Kesihatan Malaysia

26 Oktober 2022